



- | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>1. PEREKA TINGKAT III
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1</p> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Seni Reka dan Seni Lukis atau bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pembantu Pereka atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan di akui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEREKA TINGKAT III:

Secara Am

1. Membantu Pereka Tingkat II dalam semua peringkat pekerjaannya.
2. Menjalankan penyelidikan asas untuk rekabentuk.
3. Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.



DI JABATAN PENERANGAN

1. Membuat kerja-kerja grafik seperti merekabentuk kulit buku atau program-program yang dianjurkan oleh jabatan, poster-poster kenegaraan, kain rentang, pas-pas serta lain-lain rekacipta yang diperlukan oleh Bahagian-bahagian.
2. Membantu Pereka Tingkat II dalam semua peringkat pekerjaannya.
3. Menjalankan penyelidikan asas untuk rekabentuk.
4. Lain-lain dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.